

MAHATHIR-DOKTOR

1977

✓

130

KUALA LUMPUR, 5 JUN (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI +ADALAH MEMALUKAN BAGI PARA DOKTOR MENGGUNAKAN ORANG-ORANG SAKIT BAGI MENDAPATKAN WANG LEBIH.+ +MEREKA TIDAK BOLEH MENANGGUH PERKHIDMATAN UNTUK MENDAPATKAN LEBIH WANG,+ KATA BELIAU. +INI TENTU TIDAK ETIKAL+.

BELIAU TELAH MENGULAS LANGKAH KESATUAN DOKTOR PELATIH MALAYSIA (UMH) MENOLAK TAWARAN KERAJAAN MENAIKKAN ELAUN SEBANYAK \$175 KEPADA \$825.

KESATUAN ITU MENUNTUT TAMBAHAN KEPADA \$1,105.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN YAHUNAN UMNO BAHAGIAN DAMANSARA DI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA JIKI DOKTOR-DOKTOR PELATIH ENGGAN MENJALANI LATIHAN, KERAJAAN TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA.

BAGAIMAPUN, MEREKA TIDAK AKAN BOLEH MENJALANKAN KHIDMAT OLEH KERANA LATIHAN SELAMA SETAHUN DI MALAYSIA ADALAH DIWAJIBKAN. —BERSAMBUNG 1809/MD

MAHATHIR-DOKTOR 2 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENEKANKAN BAHAWA DOKTOR TIDAK SEHARUSNYA MENJALANKAN MOGOK, BELIAU BERKATA MEREKA HENDAKLAH LEBIH MENITEKBERATKAN ORANG-ORANG SAKIT DARI WANG, KHUSUSNYA DI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA YANG MENGALAMI KEKURANGAN PARA DOKTOR.

BELIAU MENJELASKAN DI SETENGAH NEGARA, DOKTOR PELATIH DIKENAKAN MEMBAYAR UNTUK MENJALANI LATIHAN DAN MEREKA TIDAK DIKIRA SEBAGAI TELAH TAMAT PEPERIKSAAN SEHINGGA MEREKA TELAH SELESAI MENJALANI TEMPOH LATIHAN.

TERDAPAT JUGA NEGARA DI MANA TEMPOH LATIHAN DIKENAKAN SELAMA TIGA TAHUN DAN BUKAN SETAHUN SEPERTI DI MALAYSIA.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU SENDIRI BERPENDAPAT LATIHAN KEDOKTORAN ADALAH AMAT BERGUNA +OLEH KERANA ADA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DAPAT DI PELAJARI DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN.+

BELIAU BERKATA SEMASA BELIAU MENJALANI LATIHAN DALAM TAHUN 1954, IA HANYA MENERIMA BAYARAN \$400 SEMENTARA PARA DOKTOR MENERIMA \$700.

+NISBAH ANTARA ELAUN DAN GAJI DOKTOR PELATIH DAN PARA DOKTOR SEKARANG ADALAH JAUH LEBIH BAIK.+ KATANYA. —BERNAMA 1815/MD